



JABATAN TEKNOLOGI DIGITAL
DAN INOVASI NEGERI SABAH

MEMORANDUM

Pengarah

JABATAN TEKNOLOGI DIGITAL DAN INOVASI NEGERI SABAH

Rujukan : JPKN 100-4 JLD 3 (33)
Tarikh : 18 Mei 2026

Kepada : Semua Timbalan Pengarah
Semua Ketua Penolong Pengarah
Semua Ketua Cawangan
Semua Kakitangan

Tuan/Puan,

PENETAPAN BAYARAN SAGUHATI PENCERAMAH/FASILITATOR BAGI SEMUA KURSUS ANJURAN JABATAN

Perkara dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa semua pegawai di jabatan secara automatik adalah tenaga pengajar dan perlu dimasukkan dalam senarai tugas jawatan masing-masing. Oleh yang demikian tidak ada bayaran yang perlu dibayar kepada penceramah/fasilitator anjuran jabatan ini. Namun bagi menghargai perkhidmatan dan usaha para pegawai ini dalam memberi tunjuk ajar maka pihak pengurusan bersetuju untuk membayar saguhati sebanyak RM500.00 kepada penceramah/fasilitator yang terlibat dalam pelaksanaan kursus/latihan/bengkel tersebut. Perkhidmatan memberi ceramah atau sebagai fasilitator hendaklah dinyatakan dalam bahagian SUMBANGAN peringkat jabatan dalam borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT).

3. Pihak pengurusan mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas serta tahniah atas inisiatif para pegawai jabatan ini dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Sekian. Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Profesionalisme Teras Keunggulan'


(**ERNYWATI DEWI ABAS**)
Pengarah

s.k. Akauntan - Memorandum rujukan **JPKN 900-5 JLD.2** bertajuk **PENETAPAN KADAR BAYARAN ELAUN PENCERAMAH BAGI KURSUS YANG DILAKSANAKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN LATIHAN ICT SEKTOR AWAM** bertarikh 15 Mei 2025 adalah dibatalkan.

